

Laman Tafazuk:

***TJDAK MENYAYANGJ
KANAK-KANAK;
BUKAN UMMAT
MUHAMMAD S.A.W.***

**Sabda Rasulullah S.A.W. yang
bermaksud:**

**"Sesiapa yang tidak menyayangi
kanak-kanak dan tidak menghormati
hak orang
yang lebih tua maka ia bukan dari
golongan kami".**

(Riwayat Al-Bukhari)

PENGAJARAN HADJTH:

- ▶ ***Islam sangat memandang berat soal pendidikan kanak-kanak dan telah menggariskan panduan yang tertentu serta cara dalam mendidik anak-anak sejak ia di dalam kandungan ibunya lagi malahan lebih awal daripada itu. Islam menggalakkan umatnya apabila memilih suami atau isteri hendaklah seorang yang mempunyai keperibadian yang mulia bukan pada rupa paras, pangkat atau kemewahan yang dimilikinya.***
- ▶ ***Kanak-kanak merupakan nikmat dan anugerah daripada Allah yang tidak ternilai. Namun sejak akhir-akhir ini, kita dikejutkan dengan pelbagai isu penderaan, penganiyaan dan pembunuhan kanak-kanak. Tidak terfikirakah di kalangan 'pemusnah-pemusnah' ini mereka juga pernah merasai zaman kanak-kanak seketika dahulu? Kepada siapa harus disalahkan sekiranya perkara ini terjadi? Semuanya harus berbalik kepada Rasulullah S.A.W. di mana Baginda sangat menyayangi dan mencintai kanak-kanak malah Rasulullah mendidik mereka dengan terapan NILAI-NILAI ISLAM.***
- ▶ ***Oleh itu, ibu bapa dan masyarakat haruslah memainkan peranan yang penting dalam menjaga keselamatan dan menyayangi anak mereka supaya kejadian buruk dapat dihindarkan. Malah ia adalah sunnah Rasulullah S.A.W. yang harus diteladani. Bagi ibu bapa, menjaga dan menyayangi mereka beerti kita menyayangi diri kita sendiri kerana anak yang dididik dan dijaga dengan baik akan menjadi anak yang soleh/solehah yang akan mendoakan kita dan ia merupakan SATU TIKET KITA UNTUK KE SYURGA. SubhanAllah, begitu indah jika menyayangi anak-anak kecil!***